

PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM PERKARA MENGENAI PERJANJIAN JUALAN HARTANAH DAN PERJANJIAN BELIAN HARTANAH KEDUA-DUANYA BERTARIKH 17HB DISEMBER, 2012

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
(dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia)

ANTARA

PIHAK PEMEGANG SERAHHAK / PEMBIAYA

DAN

SITI AISAH BINTI SIDIK (NO. K/P: 860401-11-5096)

PIHAK PENYERAHHAK / PELANGGAN

Dalam menjalankan hak dan kuasa yang telah diberikan kepada Pihak Pemegang Serahhak/Pembiaya di bawah Perjanjian Jualan Hartanah Dan Perjanjian Belian Hartanah Kedua-Duanya Bertarikh 17hb Disember, 2012 di antara Pihak Pemegang Serahhak/Pembiaya dan Pihak Penyerahhak/Pelanggan berkenaan dengan Perjanjian Jual Beli bertarikh 10hb Julai, 2012 di antara Harp Soon Corporation Sdn Bhd (787567-X) ("Pihak Penjual") dan Siti Aisah Binti Sidik ("Pihak Pembeli") adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pihak Pemegang Serahhak/ Pembiaya tersebut dengan bantuan Pelelong yang tersebut di bawah

AKAN MENJUAL HARTANAH YANG DIHURAIKAN DI BAWAH SECARA LELONGAN AWAM

PADA 25HB NOVEMBER, 2024, BERSAMAAN HARI ISNIN, JAM 9.30 PAGI,
LELONGAN SECARA ATAS TALIAN
DI WEBSITE WWW.EHSANAUCTIONEERS.COM

&

Bakal pembeli boleh membuat tawaran atas talian ("online") melalui laman web di www.ehsanauctioneers.com
(Sila buat pendaftaran sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum tarikh lelongan untuk tujuan pendaftaran dan pengesahan)

Bakal pembeli adalah selanjutnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di www.ehsanauctioneers.com

NOTA : Bakal-bakal penawar adalah dinasihatkan agar (i) memeriksa harta tersebut (ii) meminta nasihat dari Pihak Guaman mengenai Syarat-Syarat Jualan (iii) membuat carian hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan/atau lain-lain Pihak-pihak Berkuasa yang berkenaan (iv) serta membuat pertanyaan dengan pihak-pihak lain yang berkenaan termasuk Pemaju sebelum jualan lelong (v) bahawa Harga Belian dan wang lain yang kena dibayar berkaitan dengan lelongan awam ke atas Hartanah tersebut adalah tidak termasuk apa-apa cukai-cukai Kerajaan yang dikenakan ke atas pembayaran tersebut termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan yang mesti dibayar oleh penawar yang berjaya.

BUTIR-BUTIR HAKMILIK

HAKMILIK STRATA/LOT NO. : PN 53051/M2/5/393, Lot 29526
Mukim Bukit Katil, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka

KELUASAN LANTAI : 45.67 meter persegi (kira-kira 491.59 kaki persegi)

PEGANGAN : Pajakkan selama 99 tahun, tamat pada 21hb Julai 2098

PENJUAL/PEMAJU : Harp Soon Corporation Sdn Bhd (787567-X)

BEBANAN : Serahhak kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia)

KATEGORI KEGUNAAN TANAH : Bangunan

SYARAT NYATA : Untuk resort apartment, rumah kelab dan taman tema air sahaja

SEKATAN KEPENTINGAN : Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan kepada Pembeli pertama.

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:

Hartanah tersebut adalah sebuah pangsapuri servis yang dikenali sebagai Petak Pemaju No. B-3A-25, Jenis 1C, Tingkat No. 3A, Bangunan No. Tahiti Villa (Block B), Bayou Lagoon Park Resort yang beralamat pos di Unit No. B-3A-25, Tahiti Villa, Bayou Lagoon Park Resort, Jalan Wakaf Utama, Bukit Katil, 75450 Hang Tuah Jaya, Melaka.

HARGA RIZAB:

Hartanah tersebut akan dijual dalam "keadaan sepertiimana sedianya" dan tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak RM127,545.84 (RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS DUA PULUH TUJUH RIBU LIMA RATUS EMPAT PULUH LIMA DAN LAPAN PULUH EMPAT SEN SAHAJA) dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan dengan cara Penyerahhakan dari Pemegang Serahhak / Pembiaya dan tertakluk kepada Pembeli memperoleh kelulusan untuk pindahmilik daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan, sekiranya ada termasuk semua terma, syarat-syarat, stipulasi, waad di mana mungkin yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa. Tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan, segala tunggakan cukai tanah, cukai taksiran dan caj perkhidmatan/penyenggaraan sahaja yang mungkin dikenakan oleh Pemaju atau Pihak Berkuasa yang berkenaan setakat tarikh lelong/jualan akan dibayar daripada harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pindahmilik hendaklah ditanggung oleh Pembeli.

Penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit 10% daripada harga rizab secara pindahan bank tempatan ('local bank transfer') kepada akaun berikut:-

i) Akaun : EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD. (BIDDER DEPOSIT)
ii) Bank : AMBANK (M) BERHAD
iii) No. Akaun : 0662012000727

Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan TETUAN ZAINUL RIJAL TALHA & AMIR, Peguamcara bagi Pihak Pemegang Serahhak/ Pembiaya di No. 32-01 & 32-02, Jalan Molek 1/28, Taman Molek, 81100 Johor Bahru. (Ruj No.: PLEASE ADVICE, Tel No.: 07-355 1105, Fax: 07-354 6105). Peguamcara untuk Pemegang Serah Hak/Pembiaya di sini atau Pelelong yang disebut di bawah.

EHSAN AUCTIONEERS SDN BHD (No. Syarikat 617309-U)

Suite C-20-3A, Tingkat 20, Blok C, Megan Avenue II,
12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

No. Tel: 03-2161 6649 No. Faks: 03-2161 6648

No. Ruj Kami: FIFAH/LPPSA0914/ZRTA(2)

E-mail: hema@ehsanauctioneers.com

Laman Web: www.ehsanauctioneers.com

HP NO. : 016 2161 047 (CALL, WHATSAPP & SMS)

DATO' HAJI ABDUL HAMID P.V. ABDU (D.I.M.P)

/ ABDUL RAHIM BIN HUSSIN

(Pelelong Berlesen)

PROCLAMATION OF SALE
IN THE MATTER OF THE PROPERTY SALE AGREEMENT AND PROPERTY PURCHASE AGREEMENT
BOTH DATED 17TH DAY OF DECEMBER, 2012

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
(formerly known as "Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia")

ASSIGNEE / FINANCIER

AND

SITI AISAH BINTI SIDIK (NRIC NO.: 860401-11-5096)

ASSIGNOR / CUSTOMER

In exercise of the rights and powers conferred upon the Assignee/Financier under the **Property Sale Agreement And Property Purchase Agreement Both Dated 17th Day Of December, 2012** entered into between the Assignor/Customer and the said Assignee/Financier in relation to the **Sale and Purchase Agreement** dated **10th day of July, 2012** entered between **Harp Soon Corporation Sdn Bhd (787567-X)** ("The Vendor") and **Siti Aisah Binti Sidik** ("The Purchaser") and it is hereby proclaimed that the Assignee/ Financier with the assistance of the undermentioned Auctioneer

WILL SELL THE PROPERTY DESCRIBED BELOW BY
PUBLIC AUCTION
ON MONDAY, THE 25TH NOVEMBER, 2024, AT 9.30 AM IN THE MORNING,
VIA ONLINE BIDDING
AT WEBSITE WWW.EHSANAUCTIONEERS.COM

&

Bidders may submit bids for the property online via www.ehsanauctioneers.com
(Please register at least one (1) working day before auction day for registration & verification purposes)
Bidders are further subject to the terms and conditions on www.ehsanauctioneers.com

NOTE : Prospective bidders are advised to (i) inspect the subject property (ii) seek independent legal advice on the Conditions of Sale herein (iii) conduct an official title search at the relevant Land Office and/or other relevant authorities and (iv) make the necessary enquiries with the relevant authorities which shall include the Developer prior to the auction sale (v) the Purchase Price and other monies due and payable in relation to the public auction of the above-mentioned Property excludes any Government tax that may be imposed on such payment including Goods and Services Tax that shall be paid by the Successful Bidder.

PARTICULARS OF TITLE

STRATA TITLE NO. / LOT NO. : PN 53051/M2/5/393, Lot 29526
Mukim of Bukit Katil, District of Melaka Tengah, State of Melaka

FLOOR AREA : 45.67 square metres (about 491.59 square feet)

TENURE : Leasehold for 99 years, expiring on 21st July, 2098

VENDOR/DEVELOPER : Harp Soon Corporation Sdn Bhd (787567-X)

ENCUMBRANCE : Assigned to **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (formerly known as "Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia")**

CATEGORY OF LAND USE : Bangunan

EXPRESS CONDITION : Untuk resort apartment, rumah kelab dan taman tema air sahaja

RESTRICTION IN INTEREST : Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan kepada Pembeli pertama.

LOCATION AND DESCRIPTION OF THE PROPERTY:

The subject property is an **end service apartment unit** known as **Developer's Parcel No. B-3A-25, Type 1C, Storey No. 3A, Building No. Tahiti Villa (Block B), Bayou Lagoon Park Resort** bearing postal address **Unit No. B-3A-25, Tahiti Villa, Bayou Lagoon Park Resort, Jalan Wakaf Utama, Bukit Katil, 75450 Hang Tuah Jaya, Melaka.**

RESERVE PRICE:

The subject property will be sold on an **"as is where is basis"** and subject to a reserve price of **RM127,545.84 (RINGGIT MALAYSIA ONE HUNDRED TWENTY SEVEN THOUSAND FIVE HUNDRED FORTY FIVE AND EIGHTY FOUR CENTS ONLY)** and subject to the Conditions of Sale and by way of an Assignment from the above Assignee/ Financier subject to the approval being obtained by the Purchaser from the relevant authorities if any, including all terms, conditions, stipulations and covenants which were and may be imposed by the relevant authorities. **Subject to the terms and conditions stated in the Conditions of Sale, any arrears of quit rent, assessments and service/maintenance charges only which may be lawfully due to the Developer or the relevant authorities up to the date of successful sale of the subject property shall be paid out of the purchase money. All other fees, costs and charges relating to the transfer and assignment of the property shall be borne solely by the successful Purchaser.**

All intending bidders are required to deposit 10% from the reserve price via local bank transfer in favour of:-

i) Account's Name : EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD. (BIDDER DEPOSIT)
ii) Bank : AMBANK (M) BERHAD
iii) Account No. : 0662012000727

Evidence of transfer must be uploaded and submitted before the registration closed.

FOR FURTHER PARTICULARS, please contact **TETUAN ZAINUL RIJAL TALHA & AMIR** of No. 32-01 & 32-02, Jalan Molek 1/28, Taman Molek, 81100 Johor Bahru. (Ref No.: PLEASE ADVICE, Tel No.: 07-355 1105, Fax: 07-354 6105). Solicitors for the Assignee/Financier herein or the undermentioned Auctioneer.

EHSAN AUCTIONEERS SDN BHD (No. Syarikat 617309-U)

Suite C-20-3A, Tingkat 20, Blok C, Megan Avenue II,
12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.
Tel No.: 03-2161 6649 Fax No.: 03-2161 6648

Our Ref No.: **UMI/LPPSA0914/ZRTA(2)**

E-mail: hema@ehsanauctioneers.com

Website: www.ehsanauctioneers.com

HP NO. : 016 2161 047 (CALL, WHATSAPP & SMS)

DATO' HAJI ABDUL HAMID P.V. ABDU (D.I.M.P)

/ ABDUL RAHIM BIN HUSSIN

(Peulong Berlesen)

SYARAT JUALAN

Jualan ini dibuat oleh **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) (Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya)** dalam melaksanakan hak-hak dan kuasa yang diberikan kepada Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya menurut **Perjanjian Jualan Hartanah Dan Perjanjian Belian Hartanah Kedua-Duanya Bertarikh 17hb Disember, 2012** yang di laksanakan oleh **SITI AISAH BINTI SIDIK (NO. K/P: 860401-11-5096) (Pihak Penyerahhak/Pelanggan)** yang memihak kepada Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya dan dibuat tertakluk kepada semua syarat-syarat dan kategori penggunaan tanah, nyata dan/atau tersirat dan/atau dikenakan ke atasnya dan/atau yang berkaitan dengan dan/atau melibatkan Hartanah tersebut.

1. Harga Rizab

Jualan ini adalah tertakluk kepada harga rizab.

2. Penawaran

- a. Tiada bidaan boleh ditarikbalik atau lebih rendah daripada tawaran sebelum yang terakhir.
- b. Tertakluk kepada harga rizab, Pelelong hendaklah menetapkan jumlah wang yang memulakan bidaan dan mengawal setiap kenaikan tawaran berikutnya.
- c. Pelelong boleh menolak mana-mana tawaran atau tawaran tanpa memberi sebarang sebab.
- d. Tertakluk kepada Syarat-syarat ini, pembida tertinggi (yang diisytiharkan sedemikian oleh Pelelong) adalah **Penawar yang berjaya**.

3. Hak Pemegang Serah Hak / Pembiaya

Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya mempunyai hak yang berikut:

- a) Untuk membuat tawaran tanpa perlu mendepositkan dengan Pelelong yang diperlukan **sepuluh peratus (10%)** daripada harga rizab, dengan sendirinya atau ejennya. Sekiranya bahawa Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya adalah Penawar yang berjaya dan diisytiharkan oleh Pelelong, Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya mempunyai kebebasan untuk menolak harga pembelian dengan amaan yang kena dibayar dan terhutang oleh Penyerah Hak / Pelanggan di bawah Sekuriti Dokumen dan segala kos dan perbelanjaan, berkaitan dengan dan hasil daripada jualan itu;
- b) Mana- mana pihak atau syarikat yang berkaitan dengan Pihak **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** yang ingin membuat tawaran atau bidaan di lelongan awam adalah dikecualikan daripada mematuhi peruntukan dalam Klausa 5(b), 8(a) dan 14 (b) bagi Syarat-syarat Jualan ini. Jika Syarikat Berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** adalah Penawar yang berjaya:
 - i. Suatu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana: dan
 - ii. Baki Harga Belian hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana syarikat berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** dalam tempoh seratus dua puluh hari (120) hari dari tarikh jualan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak (jika ada)
- c) Untuk menarik balik, menangguhkan, membatalkan atau menangguhkan jualan lelong hartanah pada bila-bila masa sebelum tarikh lelongan dan sebelum kejatuhan tukul dengan atau tanpa memberi sebarang notis; dan
- d) Untuk menjual hartanah ditarik balik pada bila-bila masa atau masa tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan sama ada serupa atau berbeza keseluruhannya atau sebahagiannya daripada syarat-syarat dan ketentuan yang berlaku kepada Hartanah untuk dilelong di lelongan ini dan dalam apa-apa cara yang Pemegang Serah Hak / Pembiaya difikirkannya patut.
- e) Untuk membatalkan jualan lelong hartanah selepas ketukan tukul dengan memberi notis secara bertulis.

4. Pengeluaran Bidaan

Mana-mana pembida yang telah membuat tawaran dan manarik diri sebelum kejatuhan tukul semasa lelongan dijalankan, akan menyebabkan deposit beliau sama dengan **10%** daripada harga rizab dilucuthak sebagai ganti rugi bersetuju untuk pembayaran kepada Pemegang Serah Hak /Pembiaya. Pelelong berhak untuk meletakkan semula hartanah untuk dijual pada tawaran dipertikaikan terakhir, atau sebaliknya untuk menangguhkan lelongan untuk tarikh yang lain.

5. Sebelum lelongan

- a. Pemegang Serah Hak / Pembiaya mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk mengubah atau menambah butir-butir dan /atau syarat-syarat jualan;
- b. Semua Penawar (dengan pengecualian daripada Pemegang Serah Hak / Pembiaya) hendaklah mendepositkan dengan Pelelong jumlah yang bersamaan dengan **10%** daripada harga rizab secara pindahan bank tempatan ("local bank transfer") kepada akaun berikut:-

i) Akaun	:	EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD. (BIDDER DEPOSIT)
ii) Bank	:	AMBANK (M) BERHAD
iii) No. Akaun	:	0662012000727

Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.

- c. Mana-mana penawar yang ingin membuat bidaan bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat, adalah dikehendaki mengemukakan surat kuasa wakil kepada pelelong ketika pendaftaran secara atas talian dilakukan. Surat wakil tersebut hendaklah mengesahkan penawar telah diberi kuasa untuk membuat bidaan dan menandatangani semua dokumen yang berkaitan. Bagi syarikat, wakil / ejen hendaklah mengemukakan borang 24, 44, 49, Resolusi Syarikat dan memorandum Syarikat;
- d. Semua Penawar dikehendaki menunjukkan kad pengenalan / MyKad yang asal mereka kepada Pelelong untuk mengenal pasti, jika tidak, mereka tidak berhak untuk membuat tawaran;

6. Larangan Untuk Bertindak / Bidaan

- a. Tiada bankrap dibenarkan untuk membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen. Sekiranya seorang si-bankrap membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen berhubung dengan penjualan hartanah, deposit yang dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilucut hak kepada Pemegang Serah Hak / Pembiaya dan hartanah itu hendaklah dijual semula.
- b. Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap hanya dibenarkan untuk membida hartanah dengan persetujuan / kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pelaburan asing, dan / atau Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan / atau pihak berkuasa yang berkenaan dan Pemegang Serah Hak / Pembiaya / Pelelong / peguam cara Pemegang Serah Hak / Pembiaya hendaklah pada setiap masa tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan / penolakan / pengabaian oleh Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap Luar untuk memohon dan / atau mendapatkan kelulusan / persetujuan itu. Sekiranya Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap, membuat tawaran untuk hartanah itu, tanpa kelulusan yang diperlukan / persetujuan maka Deposit yang dibayar akan dilucuthak oleh Pemegang Serah Hak / Pembiaya dan hartanah akan dijual semula.
- c. Penawar hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas. Kelayakan penawar adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang negeri yang sedia ada.

7. Jualan

Penawar yang berjaya (kecuali di mana Pemegang Serah Hak / Pembiaya adalah pembida) membida Hartanah tersebut hendaklah berakujanji untuk menandatangani borang Kontrak atau Memorandum dan membayar jumlah perbezaan (jika ada) antara jumlah sepuluh peratus (10%) daripada harga belian dan jumlah deposit sepuluh peratus (10%) yang dibayar di bawah Klausula 5b yang dinyatakan di atas, secara tunai atau dalam bentuk Bank Deraf atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** atau melalui pemindahan perbankan atas talian untuk membentuk jumlah deposit sepuluh peratus (10%) daripada harga tawaran yang berjaya dan hendaklah dianggap sebagai deposit sebenar yang **DISEDIAKAN**, di pejabat Pelelong dalam masa tiga (3) hari berkerja dari tarikh lelongan. Jika Penawar yang berjaya gagal untuk menandatangani Memorandum itu dan/atau tidak membayar deposit sebenar tersebut, maka **Klausula 9** hendaklah berkuat kuasa. Pelelong berhak untuk memegang Memorandum sehingga semua bayaran deposit sebenar tersebut telah ditunaikan.

8. Pelaksanaan

- a. Dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan lelong atau tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pemegang Serah Hak / Pembiaya (mengikut subjek tunggal Pemegang Serah Hak / Pembiaya untuk pembayaran faedah pada kadar faedah yang perlu ditentukan oleh Pemegang Serah Hak / Pembiaya), Pembeli hendaklah menandatangani dengan Peguamcara yang dilantik oleh Pemegang Serah Hak / Pembiaya secara serentak: sejumlah wang yang bersamaan dengan 90% daripada tawaran yang berjaya ("**Jumlah Baki**") dan faedah bagi tempoh lanjutan (jika ada) dibuat melalui bank deraf atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** atau secara **'Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities (RENTAS)'**. Permohonan tempoh lanjutan hendaklah dibuat oleh pembeli sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh tamat tempoh; dan
- b. Setelah menerima keseluruhan wang pembelian merujuk kepada klausula 8 (a) di atas, dan tertakluk kepada kelulusan pemaju dan pihak yang berkaitan (sekiranya ada), pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya akan melaksanakan Penyerahanhak (dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima kepada Pemegang Serah Hak / Pembiaya) dan menyerahkan Dokumen Sekuriti dan mana-mana dokumen lain yang berkaitan dalam simpanan Pihak Pemegang Serah Hak / Pembiaya kepada Pembeli, tetapi tugas itu hendaklah disediakan oleh dan atas perbelanjaan Pembeli. Di mana berkenaan, Pemegang Serah Hak / Pembiaya berhak untuk menambah atau meminda perjanjian mencukupi tanggung rugi dimasukkan dalam tugas supaya pembeli boleh menanggung semua liabiliti dan obligasi yang berkaitan dengan hartanah. Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya tidak akan menyerahkan hartanah itu kepada mana-mana pihak selain daripada Pembeli.
- c. Tertakluk kepada Klausula 8 (a) & (b) di atas, hartanah yang masih / ada bayaran progresif tertunggak yang perlu dibayar kepada Pemaju, Penawar yang berjaya hendaklah: -
 - i) Sekiranya Penawar yang berjaya memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang berjaya hendaklah dalam masa yang dinyatakan di atas, menyebabkan pembiaya Penawar yang berjaya mengeluarkan surat akujanji untuk membayar bayaran progresif baki mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dibuat memihak kepada Pemaju dari pembiaya Penawar yang berjaya untuk melepaskan Pemegang Serah Hak / Pembiaya daripada akujanji yang asal;
 - ii) Sekiranya Penawar yang berjaya tidak memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang berjaya hendaklah dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas, memberikan jaminan bank memihak kepada Pemaju atau membayar bayaran progresif baki kepada pemaju mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dan untuk melepaskan Pemegang Serah Hak / Pembiaya daripada akujanji yang asal;
 - iii) **Sekiranya ada sebarang bayaran yang tertunggak dan harus dibayar kepada Pemaju selepas tarikh jualan, termasuk baki bayaran progresif yang belum dilepaskan ('undisbursed') mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama, caj, faedah dan penalti akibat kelewatan oleh Penawar yang Berjaya/pembiaya Penawar yang Berjaya dalam memberikan sebarang akujanji / bayaran yang dinyatakan dalam Klausula 8 (c) i) atau Klausula 8 (c) ii) di atas, di mana bayaran tersebut perlu dibayar oleh Penawar yang berjaya.**
 - iv) Sekiranya Penawar yang berjaya, gagal dan / atau kecuai dan / atau enggan mendapatkan surat akujanji / jaminan bank / bayaran yang tersebut dalam cara dan pada masa yang ditetapkan dalam Klausula 8 (c) i) atau Klausula 8 (c) ii) di atas, Pihak Pemegang Serahhak / Pembiayaan berhak untuk membatalkan jualan melalui notis secara bertulis kepada Penawar yang berjaya, dimana Deposit yang disebut dalam Klausula 5 akan dilucuthakkan oleh Pemegang Serah hak / Pembiaya.
- d. Jika penawar yang berjaya menjadi bankrap atau meninggal dunia pada/sebelum Tarikh Siap atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak, Pemegang Serahhak mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk melakukan perkara yang berikut:
 - (a) melucuthak Deposit berserta dengan faedah dan jualan lelongan ini akan dianggap ditamatkan dan tidak berkuat kuasa lagi; atau
 - (b) setelah menolak segala perbelanjaan dalam menjalankan jualan lelong, membatalkan jualan dan membayar balik baki Deposit kepada harta pusaka si mati Penawar yang Berjaya (tertakluk kepada pengemukaan dokumen-dokumen berkaitan yang membuktikan kematian dan hak perwakilan harta pusaka si mati) atau Pegawai Pemegang Harta mengikut mana-mana yang berkenaan jika Pembeli yang berjaya ialah atau menjadi seorang bankrap; dan
 - (c) Pemegang Serahhak boleh menyelesaikan perkara itu dalam apa-apa cara lain yang Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya anggap patut dan keputusan Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya adalah muktamad.

9. Keingkaran

Jika Penawar yang berjaya ingkar dalam mematuhi mana-mana syarat di atas atau membayar apa-apa wang yang harus dibayar, maka Pemegang Serah Hak / Pemiaya boleh (tanpa menjejaskan hak-hak Pemegang Serah Hak / Pemiaya bagi pelaksanaan spesifik) menganggap keingkaran tersebut sebagai penolakan kontrak dan menamatkan jualan tanpa notis di mana wang yang dibayar sebelum ini menurut Klausula 5 dan Klausula 7 (mengikut mana yang berkenaan) akan dilucuthakkan secara mutlak oleh Pemegang Serah hak / Pemiaya yang berhak untuk melolong semula hartanah tersebut dan kos seperti semula jualan tersebut dengan pengurangan harga (jika ada) akibat dengan penjualan semula, maka segala kos dan hutang yang hendak dibayar akan dikenakan kepada Penawar yang berjaya yang ingkar.

10. Cukai Tanah & Lain-lain bayaran

- a. Tertakluk kepada Klausula 8 (c) di atas, apa-apa tunggakan cukai pintu, cukai tanah dan perkhidmatan / caj penyelenggaraan sahaja yang tertunggak kepada Pemaju atau pihak berkuasa yang berkenaan sehingga tarikh jualan hartanah tersebut akan ditanggung setelah menerima keseluruhan daripada wang pembelian dengan syarat Penawar yang berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serah Hak / Pemiaya dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan. Pemegang serah hak tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran atau menolak daripada wang pembelian apa-apa utiliti/bil tertunggak yang berkaitan dengan hartanah seperti kos pentadbiran, sinking fund, air, elektrik, telefon, gas atau caj pembentungan dan lain-lain. Apa-apa jumlah wang yang kena dibayar dan perlu dibayar selepas tarikh jualan hendaklah ditanggung oleh Penawar yang berjaya sama sekali. Penawar yang berjaya hendaklah menanggung dan membayar semua yuran dan perbelanjaan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua yuran guaman, duti setem dan yuran pendaftaran yang berkaitan dengan, bersampingan menurut harta / Penyerahhakan dan semua dokumen lain yang perlu bagi melaksanakan pemindahan atau memberikan pemilikan benefisial dalam harta itu kepada Penawar yang berjaya.
- b. **Tertakluk kepada klausula 8 (c) di atas, jika terdapat jumlah pembiayaan yang belum dilepaskan ('undisbursed') oleh Pemegang Serah Hak/ Pemiaya kepada Pemaju, Pemegang Serah Hak/ Pemiaya adalah dilepaskan dari sebarang obligasi dan/ atau liabiliti dan/atau tidak tertakluk atas apa-apa tanggungan untuk melepaskan apa-apa jumlah tuntutan lanjut yang belum dilepaskan (sekiranya ada) kepada Pemaju. Penawar yang Berjaya selanjutnya juga tidak boleh menuntut daripada Pemegang Serah Hak/ Pemiaya apa-apa jumlah tuntutan yang belum dilepaskan berkaitan harta tersebut.**
- c. **Walau apa pun yang dinyatakan perenggan 10(b) di atas, Pemegang Serah Hak/ Pemiaya boleh atas budi bicara penuhnya, sebaliknya membuat bayaran ke atas baki jumlah tuntutan yang belum dituntut sekiranya harta tersebut telah siap dibina sepenuhnya oleh Pemaju dan setelah wang harga belian diterima keseluruhannya dengan syarat penawar yang berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serah Hak/ Pemiaya dalam tempoh 120 hari daripada tarikh jualan dan mengikut syarat-syarat lain yang berkuatkuasa (sekiranya ada).**

10A. Pengeluaran hakmilik strata / individu

- a. Penawar yang berjaya hendaklah pada kos dan perbelanjaan sendiri memohon kepada pihak berkuasa berkenaan untuk mendapatkan kelulusan sekiranya pemindahan hakmilik strata / individu telah dikeluarkan.

11. Kelulusan Pihak Berkuasa Berkenaan

Hartanah dijual tertakluk kepada Penawar yang Berjaya pada kos sendiri untuk memohon dan mendapatkan kelulusan (jika ada) daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan. Semua bayaran yang terutang kepada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan yang berkaitan hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Penawar yang berjaya secara mutlak. Penawar yang berjaya berakujanji untuk memaklumkan Pemegang Serah Hak / Pemiaya dan / atau peguamcaranya mengenai perkembangan permohonan tersebut. Tiada jaminan diberikan oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya bahawa mana-mana kelulusan boleh diperolehi, tetapi sekiranya:

- a. Sebarang kelulusan yang tidak diperolehi daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan (selain daripada sebab-sebab yang boleh dikaitkan dengan apa-apa perbuatan keingkaran atau peninggalan oleh Penawar yang berjaya apabila habis tempoh masa yang ditetapkan untuk penyempurnaan: atau
- b. Sebarang kelulusan daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang tidak boleh diterima oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya mengikut budi bicara mutlak; atau
- c. Jualan di dalam ini yang diketepikan bagi apa-apa sebab sekalipun oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya atau melalui Perintah Mahkamah;

Tertakluk kepada Klausula 6 (b) di atas, Pemegang Serah Hak / Pemiaya adalah berhak secara mutlak untuk membatalkan jualan dengan memberi Penawar yang berjaya notis bertulis mengenainya, di mana:

- I. Jika sementara itu Penawar yang berjaya telah mengambil hakmilik hartanah tersebut, maka Penawar yang berjaya adalah bertanggung pada kos sendiri untuk mengembalikan harta itu kepada keadaan asal pada tarikh jualan lelongan, dan selepas itu secara aman untuk memulangkan hakmilik hartanah tersebut kepada Pemegang Serah Hak / Pemiaya dalam tempoh 7 hari dari tarikh penyampaian notis untuk membatalkan jualan itu; dan jualan itu; dan
- II. Kos / perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya berkaitan dengan penjualan, dan juga kos untuk mengembalikan semula kerosakan (jika ada) kepada hartanah yang dilakukan oleh Penawar yang berjaya dalam milikan hartanah itu akan ditolak dari wang deposit dan wang lain (jika ada, yang dibayar di sini terhadap akaun daripada harga beli oleh Penawar yang berjaya kepada Pemegang Serah Hak / Pemiaya) dan selepas itu baki (jika ada) hendaklah dibayar balik Penawar yang berjaya tanpa faedah. Untuk tujuan ini suatu perakuan yang ditandatangani oleh mana-mana pegawai Pemegang Serah Hak / Pemiaya mengesahkan aman belanja atau kos itu adalah dianggap muktamad / konklusif dan terikat terhadap Penawar yang berjaya.

Tertakluk seperti yang disebut terdahulu, Penawar yang Berjaya tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap pihak Pemegang Serah Hak / Pemiaya, Peguamcara atau Pelelong untuk ganti rugi, pampasan atau apa-apa sebab sekalipun berhubung dengan pembatalan jualan seperti yang disebut terdahulu.

12. Pemilikan Kosong

Hartanah itu dijual tanpa pemilikan kosong, dengan itu tiada jaminan diberikan bahawa hartanah itu boleh digunakan untuk menginap dan sekiranya keadaan yang sedia ada yang menghalang kemasukan atau penginapan oleh Penawar yang Berjaya, keadaan sedemikian tidak akan membatalkan penjualan dan atau hak kepada Pembeli untuk membatalkan kontrak atau menuntut pengurangan harga atau ganti rugi. Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya tidak bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan kosong hartanah berkenaan kepada Penawar yang Berjaya. Penawar yang Berjaya selepas pembayaran harga belian sepenuhnya bersama-sama dengan apa-apa faedah terakru, jika ada, hendaklah pada kos dan perbelanjaan sendiri mengambil milikan hartanah tersebut.

13. Keadaan Hartanah

